

16/10/2002

SSM: 2,000 guru tetap naik pangkat

Mohd Azrone Sarabatin

KIRA-KIRA 2,000 guru siswazah dan bukan siswazah yang layak dinaikkan pangkat secara 'time-based' tidak perlu bimbang peluang mereka menikmati kenaikan gred itu terjejas berikutan pelaksanaan Skim Saraan Malaysia (SSM) menggantikan Sistem Saraan Baru, bermula bulan depan.

Ini kerana Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) telah mengemukakan memorandum kepada Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung perkara itu awal bulan ini dan yakin masalah mereka dapat diselesaikan dalam tempoh seminggu lagi.

Setiausaha Agungnya, Datuk N Siva Subramaniam, berkata kesatuan itu akan terus membela guru berkenaan dan memastikan mereka yang sudah mencapai gaji maksimum itu berpeluang menikmati kenaikan pangkat secara 'time-based' sekalipun selepas SSM dilaksanakan.

Beliau berkata, jika ada guru yang layak menerima kenaikan pangkat menerusi cara itu sebelum 1 November ini, senarai nama mereka sudah diluluskan oleh JPA dan telah dihantar ke Kementerian Pendidikan. Guru terbabit akan menerima kenaikan pangkat secara 'time-based' dalam tempoh terdekat ini.

"Kami harap semua guru yang terbabit dengan 'Time-based' tidak tertekan dengan pelaksanaan SSM kerana sistem baru itu tidak menggugat kenaikan gred daripada DG3 kepada DG2. KPPK akan memperjuangkan hak guru ini agar peluang mereka tidak tergugat," katanya kepada Berita Harian di Kuala Lumpur, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengumumkan SSM Julai lalu, berkata perkara utama yang diambil kira dalam pelaksanaan SSM ialah perasaan tidak puas hati dengan SSB berpunca penilaian kerja kakitangan oleh ketua jabatan.

SSM akan menggantikan SSB mulai 1 November ini memberi lebih banyak faedah, terutama bagi meningkatkan kecekapan dan pengetahuan serta peluang pengembangan kerjaya kepada kira-kira 950,000 kakitangan awam di seluruh negara.

Sistem itu antara lain akan memperkenalkan kaedah dan unsur penilaian tahap kecekapan melalui peperiksaan atau kursus yang diwajibkan kepada semua kakitangan awam bagi menentukan kemajuan kerjaya dan gaji, selain laporan penilaian prestasi tahunan serta perakuan ketua jabatan.

Serentak itu, dua cara pergerakan gaji diperkenalkan, iaitu Pergerakan Gaji Biasa dan Anjakan Gaji. Tahun depan, semua anggota perkhidmatan awam hanya akan diberi Pergerakan Gaji Biasa. Anjakan Gaji berdasarkan Penilaian Tahap Kecekapan pada 2003 hanya akan dilaksanakan mulai 2004.

Bagi mengatasi masalah guru terbabit, Siva berkata, antara cadangan KPPK ialah jika guru yang berada selepas T10 (DG3), tempoh itu diambil kira untuk memasuki DG2. Sebagai contoh, mereka yang berada pada T18 DG3 hanya perlu berkhidmat dua tahun untuk layak masuk ke DG2.

Katanya, berdasarkan ketetapan bagi kenaikan pangkat secara 'time-based', semua pegawai perkhidmatan pendidikan siswazah gred DG3 yang memenuhi syarat layak dipertimbangkan untuk dinaikkan ke gred DG2.

Beliau berkata, syarat itu ialah disahkan dalam perkhidmatan, mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan, hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat, berkhidmat sekurang-kurangnya 12 tahun di gred DG3 serta berada pada mata gaji maksimum gred DG3 atau persamaan / lebih tinggi berhampiran P2 atau P3 sekurang-kurangnya dua tahun dan diperakukan Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

Berdasarkan Pekeliling Urusan Kenaikan Pangkat Secara `time-based' Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG3 ke Gred DG2 Tahun 1998, Siva berkata;

"Kumpulan yang layak bagi Fasa pertama ialah pegawai yang memenuhi syarat kenaikan pangkat secara `time-based' sebelum 31 Disember 1997 termasuk mereka yang sudah memenuhi syarat pada 1 Januari 1998, iaitu pegawai yang Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) jatuh pada 1 Januari 1998.

"Fasa kedua pula ialah kumpulan yang layak selepas 1 Januari 1998. Kumpulan itu adalah mereka yang telah memenuhi syarat kenaikan pangkat secara `time-based' pada 1 April, 1 Julai dan 1 Oktober 1995," katanya.